

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KENYATAAN MEDIA**

**MURID KEMALANGAN DI PANTAI BALOK: KPM ZAHIRKAN UCAPAN TAKZIAH, PASTIKAN BANTUAN TERBAIK KEPADA KELUARGA**

Kementerian Pendidikan (KPM) menzahirkan rasa dukacita dan merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham anakanda Muhammad Luqman Kamil bin Jamaluddin yang terlibat dalam kemalangan di Pantai Balok, Pahang pada Jumaat.

Semoga roh Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman dan seluruh keluarga diberi kesabaran dalam menghadapi ujian berat ini.

Keutamaan KPM pada ketika ini adalah untuk memastikan bantuan terbaik kepada keluarga Allahyarham anakanda Muhammad Luqman.

Kejadian ini sedang berada dalam siasatan pihak berkuasa. KPM juga sedang menjalankan proses siasatan dalaman bagi meneliti pematuhan setiap prosedur operasi standard (SOP) yang berkaitan.

**TAMAT**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
18 APRIL 2026**